

PERBANDINGAN KADAR PENOLAKAN PERBELANJAAN DIRI YANG BERKELUARGA DALAM ZAKAT DI MALAYSIA: PERANAN KECERDASAN BUATAN (*ARTIFICIAL INTELLIGENCE*)

Ahmad Abdul Rahman^{1,a*}, Ahmad Adib Mohammad Sofian^{2,b} dan Nur Zaiumi Yasmin Zakaria^{3,c}

¹Pusat Bahasa dan Pengajian Asasi, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

² Pusat Bahasa dan Pengajian Asasi, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

³ Pusat Bahasa dan Pengajian Asasi, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

^aahmad.ar@usas.edu.my

^badib@usas.edu.my

^cyasmin.zakaria@usas.edu.my

*Corresponding Author: ahmad.ar@usas.edu.my

Abstrak: Kenaikan kos sara hidup amat ketara selepas fasa pandemik Covid-19 yang berlaku dalam tempoh dua tahun. Peningkatan kos perbelanjaan harian dan kos perkhidmatan menjadi elemen penting dalam perubahan kadar penolakan perbelanjaan dalam zakat atau dikenali sebagai had kifayah. Namun disebalik itu, penerimaan dan penggunaan teknologi oleh masyarakat Malaysia dapat meningkatkan kualiti dan mutu pekerjaan dan perkhidmatan. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji tentang perubahan kadar penolakan perbelanjaan diri yang berkeluarga dalam zakat di Malaysia. Kajian ini juga membincangkan bagaimana peranan kecerdasan buatan (AI) dalam memastikan proses pengiraan pembayaran zakat lebih baik. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menjadikan kajian dokumen analisis sebagai asas pengumpulan maklumat. Sumber dan data yang diperolehi akan dianalisis secara deskriptif bagi menghasilkan dapatan yang benar. Hasil kajian menyatakan terdapat perubahan kadar penolakan perbelanjaan diri yang telah dikemaskini. Selain itu, menerusi data raya yang mampu dijana oleh MAIN, kadar perbelanjaan yang lebih signifikan dapat terhasil.

Kata Kunci: Kadar Penolakan Perbelanjaan, Kecerdasan Buatan (AI), Institusi Zakat.

1. Pengenalan

Pengurusan zakat di Malaysia di bawah tanggungjawab Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) secara umumnya. Dalam memastikan pengurusan kutipan berjalan lancar, MAIN telah membentuk unit zakat seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS), Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZKN) dan lain-lain. Terdapat juga institusi zakat swasta yang ditubuhkan oleh MAIN seperti Pusat Pungutan Zakat-MAWIP dan Zakat Pulau Pinang (Suhaimi, 2020).

Kemajuan dan penambahbaikan dalam pengurusan zakat di Malaysia dapat dilihat dan dirasai oleh pemberi dan penerima zakat. Antara kemajuan yang dilakukan adalah pelaksanaan sistem pembayaran zakat secara atas talian, telah membantu dan memudahkan umat Islam dan institusi perniagaan untuk membayar zakat. Kadar kutipan zakat tahunan juga semakin meningkat dan manfaat penerima zakat semakin banyak (Paizin, et al. 2022). Kemajuan ini

bukan sahaja dianggap satu bentuk kemudahan dan kejayaan, bahkan manifestasi keupayaan institusi zakat dalam mengadaptasi teknologi semasa.

Selain itu, ketika peristiwa pandemik Covid-19 melanda negara, jangkaan kutipan zakat akan mengalami penurunan. Namun, hasil kutipan zakat semakin meningkat dan banyak inisiatif bantuan dan sumbangan oleh institusi zakat telah diberikan kepada asnaf zakat (Abdul Rahman & Zulkarnain, 2022). Bencana ini juga telah memberi kesan kepada peningkatan kos sara hidup (Ibrahim, 2024). Kesusahan yang dialami ini amat berkait rapat dengan pengurusan zakat, di mana jumlah penerima zakat juga menaik dan kadar penolakan perbelanjaan turut juga berubah.

Sehubungan itu, kajian mendapati kepentingan untuk menganalisis perubahan pada kadar penolakan perbelanjaan sebelum bencana Covid-19 dan pasca adalah wajar kerana masyarakat awam dapat menilai usaha institusi zakat memperkasakan pengurusan zakat serta mempeduli hak pemberi dan penerima zakat. Kajian juga ingin mengkaji ruang AI untuk membantu dan meningkatkan lagi tahap efisien dalam menetapkan kadar penolakan yang sesuai dan munasabah. Hal ini sejajar dengan komitmen institusi zakat menggunakan teknologi dalam perkhidmatan zakat.

2. Sorotan Kajian

2.1 Kadar Penolakan Perbelanjaan dalam Zakat

Berdasarkan kajian Rahisam Ramli et al (2023) keperluan semakin had kifayah dalam membantu golongan asnaf fakir dan miskin di Melaka perlu dinilai semula. Hal ini kerana kos sara hidup yang semakin meningkat telah mengakibatkan had kifayah semasa tidak lagi relevan, yang menyebabkan beberapa asnaf tidak layak menerima zakat meskipun memerlukan. Kajian ini telah menyenaraikan 10 faktor menyebabkan had kifayah perlu dikaji semula. Had kifayah yang lebih fleksibel dan sesuai adalah wajar digunakan berdasarkan situasi semasa bagi memastikan bantuan zakat mencapai golongan yang benar-benar layak.

Kajian Azman Ab Rahman et al (2020) telah menyenaraikan kajian lepas mengenai penetapan had kifayah di Malaysia, serta mengesyorkan penambahbaikan yang perlu dilakukan. Wujud peningkatan kadar penerima zakat di kalangan asnaf fakir dan miskin. Hal ini membangkitkan isu keberkesanan penetapan had kifayah yang sedia ada dalam membezakan penerima dan pembayar zakat.

Manakala kajian Fidlizan Muhammad et al (2017) telah meneliti perbezaan dalam pengiraan zakat pendapatan berdasarkan had kifayah keperluan asasi yang ditetapkan oleh setiap negeri di Malaysia. Kajian ini mendapati ketidakseragaman dalam penetapan perbelanjaan keperluan asasi (PKA) mengakibatkan jumlah zakat pendapatan yang perlu dibayar oleh individu dengan pendapatan sama, berbeza mengikut negeri. Keadilan dalam pengiraan zakat pendapatan perlu diberi perhatian. Salah satu langkah yang disyorkan adalah keseragaman had kifayah di semua negeri agar berlaku kesaksamaan dalam pengiraan zakat.

2.2 Kecerdasan Buatan (AI) Memajukan Pengurusan Zakat

Kajian Meerangani et al (2021) telah mengenal pasti potensi dan cabaran dalam pelaksanaan digitalisasi sistem pengurusan zakat di Malaysia, termasuk penerapan teknologi seperti AI dalam meningkatkan keberkesanan pengurusan zakat. Masalah ketidakcekapan dan ketelusan sering yang dihadapi dalam pengurusan zakat di Malaysia, mengurangkan keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat. Oleh itu, kajian mendapati penggunaan teknologi digital dan AI mampu meningkatkan kecekapan pengurusan kutipan dan agihan zakat serta meningkatkan ketelusan berdasarkan statistik yang diperoleh.

Kajian Khairi et al (2021) telah merancang dan membangunkan sistem *blockchain* yang menggunakan kontrak pintar untuk meningkatkan keberkesanan dan ketelusan kutipan zakat. Sistem pengurusan zakat tradisional masih bergantung kepada dokumen fizikal, menyebabkan kelewatan, ketidakcekapan, dan risiko ketidakjujuran dalam pengurusan zakat. Teknologi *blockchain* dan kontrak pintar dapat meningkatkan ketelusan dan kebolehesanan transaksi zakat secara masa nyata, yang seterusnya meningkatkan keyakinan orang ramai untuk membayar zakat.

Kajian Salleh dan Chowdhury (2020) telah menganalisis penerapan teknologi oleh institusi zakat di Malaysia, termasuk penggunaan AI dalam kutipan dan agihan zakat. Kajian mendapati banyak institusi zakat telah mula menggunakan teknologi untuk kutipan zakat, namun hanya sedikit yang menerapkan AI untuk meningkatkan ketelusan dan keberkesanan pengurusan zakat.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menjadikan kajian dokumen analisis sebagai asas pengumpulan maklumat (Ghazali & Sufean, 2016). Bahan kajian daripada sumber primer dan sekunder seperti rujukan-rujukan sedia ada sama ada dokumen zakat daripada MAIN, buku, jurnal dan laman sesawang MAIN. Sumber dan data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif bagi menghasilkan dapatan yang benar. Analisis komparatif juga digunakan dalam perbandingan data-data daripada MAIN di setiap negeri (Creswell et al. 2018).

4. Perbincangan

Terdapat beberapa perubahan kadar penolakan perbelanjaan dalam pembayaran zakat yang dilakukan oleh MAIN sebelum 2020 dan selepas 2020. Tahun 2020 merujuk kepada berlakunya bencana Covid-19 yang memberi impak besar kepada keadaan hidup manusia. Institusi zakat melakukan perubahan ini melihat kepada keperluan dan maslahat manusia. Hal ini dapat dilihat dalam dua jadual di bawah.

Jadual 1. Jenis dan Kadar Penolakan Perbelanjaan Tahunan dalam Zakat Pendapatan Sebelum 2020 (Muhammad et al. 2017).

Had Kifayah	Diri Sendiri	Isteri	Isteri Bekerja	Isteri Tidak Bekerja	Ibu Bapa	Rawatan Kronik	Rumah	Kereta
Kuala Lumpur	9,000	3,000	X	X	/	X	X	X
Selangor	10,750	5,000	X	X	X	2,400	X	X
Perak	9,000	3,000	X	X	/	/	X	X
Negeri Sembilan	9,000	4,000	X	X	/	X	X	X
Melaka	8,000	X	0	5,000	/	X	X	X
Pulau Pinang	9,000	3,000	X	X	/	X	X	X
Kedah	9,000	3,000	X	X	X	X	X	X
Perlis	8,000	X	0	5,000	/	X	/	/
Pahang	14,400	X	7,200	3,000	/	X	X	X
Johor	9,000	3,000	X	X	/	/	X	X
Terengganu	8,000	5,000	X	X	/	X	X	X
Kelantan	9,000	3,000	X	X	/	/	X	X
Sabah	9,000	3,000	X	X	/	X	X	X
Sarawak	5,244	1656	X	X	/	X	X	X

Jadual 2. Jenis dan Kadar Penolakan Perbelanjaan Tahunan dalam Zakat Pendapatan Selepas 2020.

Had Kifayah	Diri Sendiri	Isteri	Isteri Bekerja	Isteri Tidak Bekerja	Ibu Bapa	Rawatan Kronik	Rumah	Kenderaan
Kuala Lumpur	12,000	5,000	X	X	X	500	X	X
Selangor	14,580	4,944	X	X	X	2,916	X	X
Perak	10,800	5,000	X	X	3,000	2400 (RM 500 rawatan biasa)	X	X
Negeri Sembilan	9,000	4,000	X	X	/	X	X	X
Melaka	8,000	X	X	5000	/	X	X	X
Pulau Pinang	9,000	3,000	X	X	/	X	X	X
Kedah	10,000	4,000	X	X	X	X	X	X
Perlis	8004	3000	X	X	/	/	/	/
Pahang	14,400	X	3,000	3,000	4,200	/	X	X
Johor	9,000	3,000	X	X	/	/	X	X
Terengganu	12,432	X	3,612	1,476	/	/	X	X
Kelantan	/	/	X	X	/	/	X	X
Sabah	9,000	4,000	X	X	/	X	X	X
Sarawak	/ (keperluan asasi)	X	X	X	/	X	X	1,000

Jadual 1 mewakili data kadar penolakan perbelanjaan sebelum tahun 2020 yang merangkumi aspek perbelanjaan diri sendiri, isteri (secara umum), isteri bekerja, isteri tidak bekerja, ibu bapa, rawatan kronik, rumah dan kenderaan . Jadual 2 pula menunjukkan item yang sama tentang kadar penolakan perbelanjaan selepas tahun 2020.

Berdasarkan kedua-dua jadual, kajian dapat membahagikan kepada tiga kumpulan, pertama kadar penolakan perbelanjaan tidak berubah seperti di Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang dan Perlis. Kedua, kadar penolakan perbelanjaan berubah seperti di Kuala Lumpur, Selangor, Kedah, Pahang, dan Terengganu. Ketiga, kadar penolakan perbelanjaan yang fleksibel seperti di Kelantan dan Sarawak.

Jadual 3. Jenis dan Kadar Penolakan Perbelanjaan Tahunan dalam Zakat Pendapatan Sebelum 2020 (Muhammad, et al. 2017).

Had Kifayah	Anak	Belajar IPT	Tidak Bekerja (18 ke atas)	7-17 Tahun	0-6 Tahun	Anak OKU	Kos Penjagaan Anak	Pendidikan
Kuala Lumpur	1,000	X	X	X	X	X	X	X
Selangor	X	2,800	2,300	2,200	1,450	2,400	2,300	X
Perak	X	3,500	1,000	X	X	X	X	X
Negeri Sembilan	X	8,000	2,000	X	X	X	X	X
Melaka	1,000	X	X	X	X	X	X	X
Pulau Pinang	1,000	X	X	X	X	X	X	X
Kedah	2,000	X	X	X	3,600	X	X	X
Perlis	1,000	X	X	X	X	X	X	X
Pahang	X	4,200	X	2,400	3,600	X	X	X
Johor	1,000	X	X	X	X	X	X	/
Terengganu	1,000	X	1,000	X	X	X	X	X
Kelantan	X	4,000	X	1000	X	X	X	X
Sabah	1,000	X	X	X	X	X	X	X
Sarawak	1,500	X	X	X	X	X	X	X

Jadual 4. Jenis dan Kadar Penolakan Perbelanjaan Tahunan dalam Zakat Pendapatan Selepas 2020.

Had Kifayah	Anak	Belajar IPT	Tidak Bekerja (18 ke atas)	7-17 Tahun	0-6 Tahun	Anak OKU	Kos Penjagaan Anak	Pendidikan	Lain-lain
Kuala Lumpur	X	5000	X	2000	2000	X	X	2000 (sendiri)	X
Selangor	4,944 (dewasa Bekerja 18 tahun ke atas)	7,356	2,004	4,896	2,100	2,964	3,960	X	X
Perak	2,300	2800	X	X	X	X	X	X	X
Neg. Sembilan	2000	8000	X	X	X	6,000	X	X	X
Melaka	1000	X	X	X	X	X	X	X	X
Pulau Pinang	1,000	X	X	X	X	X	X	X	X
Kedah	2,000	X	X	X	X	X	X	X	X
Perlis	/	X	X	X	X	X	X	/	X
Pahang	X	4,200	X	2,400	3,600	X	X	X	X
Johor	1,000	X	X	X		X	X	/	X
Terengganu	X	6,972	X	2,856	1,872	6,000 (TIDAK TERMASUK KOS PENJAGAAN)	3,520 (BERUSIA 0-6 THN)	X	X
Kelantan	1000	4,000	X	X	X	X	X	X	/
Sabah	2,000	X	X	X	X	X	X	X	X
Sarawak	/	X	X	X	X	X	X	X	1,000

Jadual 3 mewakili data kadar penolakan perbelanjaan sebelum tahun 2020 yang merangkumi aspek perbelanjaan anak belajar IPT, anak Tidak Bekerja (berusia 18 tahun ke atas) anak berusia 7-17 tahun, anak berusia 0-6 tahun, anak OKU, kos penjagaan anak, pendidikan dan lain-lain. Jadual 4 pula menunjukkan item yang sama tentang kadar penolakan perbelanjaan selepas tahun 2020.

Berdasarkan kedua-dua jadual, kajian dapat membahagikan kepada tiga kumpulan, pertama kadar penolakan perbelanjaan tidak berubah seperti di Johor, Negeri Sembilan, Melaka, dan Pulau Pinang. Kedua, kadar penolakan perbelanjaan berubah seperti di Kuala Lumpur Selangor, Kedah, Pahang, dan Terengganu. Ketiga, kadar penolakan perbelanjaan yang fleksibel seperti di Kelantan, Perlis dan Sarawak.


Pendekatan institusi zakat di setiap negeri dalam penentuan kadar penolakan perbelanjaan ada rujukan dan justifikasi yang perlu dihormati. Hasil penelitian yang dilakukan, institusi zakat negeri yang mengambil pendekatan mengubah kadar penolakan perbelanjaan adalah wajar dan seiring dengan keperluan semasa. Hal ini kerana keadaan masa dan tempat boleh berubah dan mempengaruhi keperluan setiap insan menjadi sesuatu yang darurat. (Azman Ab Rahman 2016)

Selain itu, pendekatan institusi zakat negeri yang mengambil pendekatan fleksibel dalam kadar penolakan adalah lebih memenuhi masalah umum. Hal ini sebagaimana yang

ditegaskan dalam kajian Ramli et al (2023) bahawa had kifayah bersifat dinamik dan fleksibel dengan mengambil kira perubahan keadaan individu dan masyarakat. Tambahan pula sifat fleksibel ini dapat menanam kejujuran dan menggalakkan untuk menyumbang lebih sumber yang dimiliki dan bukan untuk belanja secara berlebihan sehingga melebihi keperluan.

Seterusnya, institusi zakat yang mengambil pendekatan untuk mengekalkan kadar penolakan perbelanjaan zakat untuk dikaji semula sesuai dengan dapatan kajian Azman Ab Rahman (2016) keperluan untuk melakukan kajian berterusan terhadap had kifayah perlu dilakukan sekurang-kurangnya 3 tahun sekali berdasarkan kepada perubahan aspek ekonomi, sosial, dan sebagainya.

Secara umumnya, kadar penolakan perbelanjaan ini perlu selari dengan dapatan statistik kos sara hidup masyarakat di Malaysia.



Rajah 1: Perbelanjaan Isi Rumah Orang Malaysia (1993-2019) (Asmat et al. 2023).

Rajah 1 menunjukkan peningkatan kadar perbelanjaan isi rumah pada setiap tahun bermula tahun 1993 sehingga tahun 2019. Ia tidak dinafikan bahawa manusia perlu berhempah dalam perbelanjaan agar terdapat lebih pendapatan dapat dikeluarkan zakat. Namun individu sendiri perlu jujur untuk menyatakan keperluan perbelanjaan yang sebenar dan penting bukan kehendak nafsu (Ramli et al. 2023).

Kekurangan dan kelemahan dalam pengurusan zakat dapat juga diatasi dengan pemanfaatan teknologi. Tambahan pula tahap efisien dapat ditingkatkan dengan penggunaan AI seperti teknologi big data. Pengurusan zakat di Malaysia boleh dioptimumkan dengan menggunakan teknologi automasi dalam analisis data, yang akan membantu mempercepatkan proses pembuatan keputusan dalam strategi kutipan. Di samping itu, ia juga boleh meningkatkan ketelusan dan keberkesanan pengagihan zakat kepada golongan penerima secara masa nyata (Salleh et al. 2022).

Kewujudan kecerdasan buatan (AI) dalam pengurusan zakat akan memudahkan lagi tugas institusi zakat dalam beberapa aspek seperti tugas pengiraan zakat, kutipan zakat, simpanan data zakat dan kaedah pengagihan (Fajar, et al. 2019). Walau bagaimanapun kajian ini menumpukan pada kemampuan AI membantu dalam pengiraan had kifayah bagi memastikan kelayakan pembayar zakat.

Jadual 5: Peranti AI untuk Penentuan Pemabayar Zakat (Fajar, et al. 2019).

Peranti	Penerangan	Fungsi
Survey Monkey	Platform tinjauan dalam talian	Menentukan pembayar zakat (muzakki)
Google Analytics	Mengesan dan mengukur impak digital	Menentukan <i>muzakki</i>
Microsoft Dynamics	Sistem Pengurusan Pengguna	Mengenal pasti <i>muzakki</i>
Survey Gizmo	Platform tinjauan dalam talian	Menentukan <i>muzakki</i>
E-filing	Sistem pelaporan cukai	Pengiraan kekayaan dalam talian

Peranti AI di jadual 5 merupakan contoh AI yang dapat membantu institusi zakat mengenali pembayar zakat yang wajib membayar. Peranti ini juga mampu mendaftarkan pembayar zakat wajib dengan lebih bersepadu. Di samping itu, ia sebuah kemudahan bagi pihak berkepentingan/pemimpin membuat keputusan. Data dan maklumat yang lebih tepat dan mudah dapat diperoleh berbanding secara manual.

5. Kesimpulan

Kajian ini telah menjelaskan perbandingan kadar penolakan perbelanjaan dalam zakat agar masyarakat memahami institusi zakat berusaha sedaya upaya menguruskan urusan zakat dengan kompeten dan cekap. Cadangan juga diberi berdasarkan hasil kajian yang lalu agar kajian berkenaan kadar itu perlu diteruskan oleh institusi zakat dari semasa ke semasa kerana kewujudan perubahan keadaan ekonomi masyarakat. Kajian ini juga menyatakan penggunaan AI dapat membantu memudahkan pengurusan zakat dan meningkatkan tahap efisien agar kewajipan yang Allah swt perintahkan ini dapat dilaksanakan dengan baik. Oleh sebab kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dan komparatif, kelemahan dan kekurangan amat dialukan dengan kajian lain yang menggunakan kaedah yang lebih bersifat komprehensif.

Rujukan

- Abdul Rahman, A., & Nor Mohd Zulkarnain, S. I. . (2022). Initiatives Of Zakat Institution In Malaysia To Aid Small And Medium-Sized Enterprise (SME) During The Covid-19 Pandemic. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 5(2 December), 80-90. <https://doi.org/10.53840/ijieffer80>
- Azman Ab Rahman (2016). *Had Kifayah Zakat di Malaysia: Isu dan Cadangan*. Isu Kontemporari Had Kifayah Zakat dan Pengurusan di Malaysia. Nilai: Penerbit: USIM.
- Azman Ab Rahman, Shakor, M. F. A., Zakaria, M. A., Nordin, N. S., & Rahmat, N. A. S. (2020). Sorotan literatur kajian penentuan had kifayah di Malaysia. *Syariah and Law Discourse*, 1(1). <https://dsl.usim.edu.my/index.php/DSL/article/view/12>
- Creswell, J. W., & Plano Clark, V. L. (2018). *Designing and Conducting Mixed Methods Research* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE. 345
- Ghazali, D., & Sufean, H. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan* (2nd ed.). Penerbit UM

- Ibrahim, Z., Mujani, W. K., Abdul Aziz, S., Muda, Z., & Yaacob, S. E. (2024). The impact of the COVID-19 pandemic on the cost of living of the B40 group: An analysis of income, expenditure, and targeted assistance. *International Journal of Religion*, 5(1), 140-149. [https://doi.org/10.61707/0dvpmk49​;contentReference\[oaicite:0\]{index=0}](https://doi.org/10.61707/0dvpmk49​;contentReference[oaicite:0]{index=0})
- Ibrahim, Z., Mujani, W. K., Aziz, S. A., Muda, Z., & Yaacob, S. E. (2024). The impact of the COVID-19 pandemic on the cost of living of the B40 group: An analysis of income, expenditure, and targeted assistance. *International Journal of Religion*, 5(1), 140-149. <https://doi.org/10.61707/0dvpmk49>
- Khairi, K. F., Ahmad, A., Laili, N. H., Sabri, H. B., Shaari, R., & Laili, H. (2021). Teknologi blockchain berasaskan kontrak pintar dalam memastikan keberkesanan dan ketelusan pungutan zakat. *Siri Kajian AZKA*, 8/2021. Pusat Pungutan Zakat. <https://azka.zakat.com.my>
- Meerangani, K. A., Md Sharipp, M. T., Rosele, M. I., Abdul Hamid, M. F., & Abdul Razak, A. Q. (2021). Digitalisasi sistem pengurusan zakat di Malaysia: Potensi dan cabaran. *Journal of Business Innovation*, 6(1). <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JBI/article/view/935>
- Muhammad, F., Awang, S. A., Mohd Hussin, M. Y., & Tahir Mohamed, A. M. (2017). Sorotan perbezaan had kifayah perbelanjaan keperluan asasi dan kesannya dalam pengiraan zakat pendapatan. *Akademika*, 87(2), 89-103. <https://doi.org/10.17576/akad-2017-8702-07>
- Nor, Asmat, Ismail., Lynda, Daud., Saidatulakmal, Mohd., Narimah, Samat., Abdul, Rahim, Ridzuan. (2023). Living Style and Cost of Living: A Cross-Section Analysis of B40 Households in Malaysia. doi: 10.60016/majcafe.v31.15
- Muhsin Nor Paizin, Abdul Rahim Abd Aziz, & Nurul Izzah Azhar. (2022). Faktor-faktor peningkatan kutipan dan pembayar zakat ketika pandemik COVID-19. Pusat Pungutan Zakat. ISBN 978-967-2959-07-6.
- Nugraha, F., Permadia, S., Gunawan, A. R., & Saeful, E. (2019). Artificial intelligence usage in zakat optimization. *Proceedings of the International Conference of Zakat 2019*, 14-24. <https://doi.org/10.37706/ICONZ.2019.144>
- Ramli, R., Baba, R., Omar, M. N., Yahya, M. A., Othman, S. H., Hashim, R., & Samri, N. (2023). Keperluan kajian semula had kifayah asnaf fakir dan miskin di bahagian zakat Melaka. *Jurnal 'Ulwan*, 8(3). <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/1497>
- Salleh, M. C. M., & Chowdhury, M. A. M. (2020). Technological transformation in Malaysian zakat institutions: A qualitative analysis. *International Journal of Zakat*, 5(3), 44–56.
- Suhaimi F. M., (2020), “Peranan Zakat Dalam Membantu Peniaga Kecil Dan Penjaja Yang Terjejas Akibat Penularan Wabak Coronavirus Di Malaysia” Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020), USIM, rujuk: <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/6806>
- Wan, N. A. W. M. S., Abdul Rasid, S. Z., & Basiruddin, R. (2022). Optimising digital technology in managing zakat. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 12(8). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i8/14355>